

Headline **Kanak-kanak lebih patriotik**
 Date **31. Aug 2008**
 Media Title **Berita Minggu**
 Section **Dimensi**
 Circulation **342946**
 Readership **2476000**

Language **MALAY**
 Page No **2**
 Article Size **853** cm2
 Frequency **Daily**
 Color **Full Color**
 AdValue **15088.21**



Kanak-kanak lebih patriotik

Oleh Rohaniza Idris
 roha@bharian.com.my

RAMAI yang berpendapat kanak-kanak lebih bersatu berbanding orang dewasa kerana mereka tidak membataskan rakan menerusi pengelasan warna kulit, kaum, agama dan latar belakang keluarga.

Pensyarah Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Rozumah Baharudin, berkata kanak-kanak lebih cenderung untuk bergaul mesra kerana pergaulan itu berlandaskan aktiviti seperti bermain dan permainan yang mereka sukai.

Oleh itu, katanya kanak-kanak dilihat lebih bersatu, walaupun pada hakikatnya penyatuan itu berlaku kerana mereka berkongsi minat yang sama.

Beliu menjelaskan kanak-kanak adalah naif dan tidak memihak kepada mana-mana kumpulan atau adil, malah membuat penilaian tidak berdasarkan nilai dan persepsi seperti orang dewasa.

"Persepsi dan nilai yang dipegang orang dewasa banyak mempengaruhi tingkah laku mereka. Orang dewasa juga banyak dipengaruhi sosialisasi dan pengalaman hidup dalam membentuk nilai dan persepsi.

"Oleh itu, penting pada peringkat awal lagi, setiap individu disosialisasi oleh keluarga dan masyarakat dengan nilai yang positif seperti bekerjasama, hormat menghormati, baik sangka dan nilai murni yang lain," katanya.

Prof Rozumah berkata, orang dewasa terdorong untuk memperjuangkan fokus dan minat masing-masing dan andaian yang menyatakan kanak-kanak lebih bersatu berbanding orang dewasa adalah tidak tepat.

"Orang dewasa lebih memfokuskan dalam tumpuan hidup dan kerjaya serta cenderung melaksanakan dan memperjuangkan hanya apa yang bermakna bagi mereka, seolah-olah mereka kurang bersatu," katanya.

Persoalannya bagaimana hendak menyatakan kepelbagaian yang tidak dapat dielakkan dalam kalangan orang dewasa? Jawapannya, banyak bergantung kepada siapa yang 'mentadbir dan mengurus' mereka sama ada dalam masyarakat, atau mana-mana organisasi.

Prof Rozumah berkata, mengikut kajian sosial peranan keluarga sangat penting untuk memupuk perpaduan di kalangan kanak-kanak dan membentuk masyarakat yang bersatu padu.

"Ketika ini, memang ada keluarga di Malaysia yang mensosialisasikan ahli keluarganya ke arah perpaduan kerana mereka faham bahawa keluarga adalah asas pembentuk masyarakat dan negara. Langkah pertama untuk perpaduan perlu bermula dalam keluarga.

Beliu menjelaskan selain keluarga, institusi dan ejen sosialisasi seperti sekolah dan media perlu sentiasa memupuk semangat perpaduan dan nilai murni. Usaha berkenaan perlu dilakukan secara konsisten dan bukan bermusim.

Peranan keluarga penting untuk membentuk masyarakat bersatu padu

Beliu menyatakan pembangunan manusia atau kanak-kanak dipengaruhi dua unsur besar iaitu sistem mikro dan makro yang memainkan peranan utama dalam pembinaan peribadi terutama pada peringkat awal usia individu.

"Jika sistem ini diabaikan pada peringkat awal maka, sukar menangani gejala negatif yang 'mewarna' individu itu ketika dewasa. Pada peringkat mikro, elemen yang paling berpengaruh untuk pembentuk peribadi adalah keluarga manakala di peringkat makro, ini adalah tanggungjawab kerajaan dan pembuat polisi. Perlu ada 'blueprint' untuk membudayakan cara hidup perpaduan



Tidak dinafikan kadangkala wujud 'xenophobia' atau benci kepada orang asing disebabkan asuhan keluarga"

Prof Rozumah Baharudin
 Pensyarah Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, UPM

dan nilai murni.

"Pengaruh sistem makro untuk pembentuk peribadi sangat kuat dan ia juga mempengaruhi bagaimana sistem mikro perlu bertindak. Tabika Perpaduan dan sekolah campur adalah elemen dalam sistem makro yang mampu memupuk semangat perpaduan dan penerimaan kepelbagaian cara hidup warga Malaysia," katanya.

Pada peringkat kanak-kanak, jika semangat perpaduan dipupuk dan disemai oleh ibu bapa dan guru, maka lebih mudah membentuk mereka menjadi insan yang mudah menjalinkan kerjasama serta bersatu dengan orang lain.

Sebenarnya, tanpa pengajaran formal pun, kanak-kanak dapat menterjemahkan perpaduan itu menerusi perilaku dan kelakuan yang mereka lihat daripada orang dewasa.

Contohnya, jika kita berjiran dengan bangsa lain, ibu bapa tidak memusuhi jiran, saling hormat menghormati dan

mengambil berat hal ehwal tetangga, perkara ini akan diikuti oleh generasi muda.

Sementara itu, penulis berkesempatan menghabiskan masa bersama kanak-kanak di Tabika Perpaduan Happy Garden, Jalan Kuchai Lama meraikan kempen kibar Jalur Gemilang.

Uniknya, Tabika ini mengumpulkan anak-anak daripada pelbagai kaum, Melayu, Cina, India, Iban dan Bidayah. Malah ada beberapa kanak-kanak daripada perkahwinan campur, bapanya Cina dan ibunya India, bapa Melayu dan ibunya Cina. Guru yang mengajar di situ adalah orang Melayu manakala pembantunya Cina manakala majoriti jawatankuasa Tabika itu adalah masyarakat Cina.

Perpaduan kaum juga jelas dilihat apabila ibu bapa dan ahli jawatankuasa Tabika turut hadir memeriahkan kempen kibar Jalur Gemilang.

Seramai 34 kanak-kanak mengambil bahagian dan apabila ditanya mengenai perpaduan, kebanyakannya tidak mengerti walaupun hakikatnya mereka memang bersatu padu dan bekerjasama menayakan kempen kibar Jalur Gemilang itu.

Bermakna perkataan 'Perpaduan' itu bukan penguak kepada kerjasama dan kesefahaman atau apa yang dipraktikkan mereka.

Terfikir juga, kenapa orang dewasa yang lebih berupaya berfikir dengan kritis, selalu terlupa mengenai semangat perpaduan dan lebih teruk lagi konflik serta rusuhan yang menggugat keamanan negara.



Semangat perpaduan perlu disemai dalam jiwa anak sejak kecil.